

KENYATAAN MEDIA
(untuk edaran segera)

**PRODUK MALAYSIA BERUPAYA MENARIK RM10 JUTA POTENSI
JUALAN DI FOODSERVICE AUSTRALIA 2024**

KUALA LUMPUR, 20 MEI 2024 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menjangkakan sebanyak RM15 juta berupaya dijana oleh usahawan bimbingannya di **Pameran Perdagangan Foodservice Australia 2024 di International Convention Centre (ICC), Darling Harbour, Sydney.**

Pameran perdagangan yang berlangsung dari 19 hingga 22 Mei 2024 di ICC, Darling Harbour, Sydney telah diketuai oleh **YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP** dan turut disertai oleh **14 usahawan produk halal.** Beliau juga telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pavilion Malaysia di Foodservice Australia 2024. Penyertaan di Foodservice Australia 2024 adalah hasil kerjasama antara KUSKOP, Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), SME Bank dan UDA Holdings Berhad.

Dalam kenyataan beliau, Dato' Sri Suriani menyatakan harapannya bahawa penyertaan kali pertama di Foodservice Australia ini akan membuka peluang perniagaan yang lebih luas bagi usahawan tempatan terutamanya dalam sektor halal di pasaran global. Ini juga selari dengan inisiatif memperkenalkan dan memperkukuhkan jenama Halal Malaysia serta memudahkan akses produk ke pasaran antarabangsa. Beliau turut

menyoroti potensi pasaran halal global yang **dijangka mencapai USD \$9 trilion menjelang tahun 2030.**

Semasa program ini, beliau juga menyaksikan **sesi pertukaran Memorandum Persefahaman** di antara syarikat G & H Cake House Sdn Bhd dengan Kirpa Traders Pty Ltd (Subsidiary Of Agro 19 Berhad) bagi membekalkan produk *Almond Oatmeal Cookies, Fruity Oatmeal Cookies* dan *Chocolate Oatmeal Cookies* di Sydney. Beliau juga mengambil kesempatan melancarkan tiga produk terbaru untuk syarikat Roseputih Sdn Bhd (The Original 5 Paste In 1, Nasi Ayam + Kam Heong + Sambaloca + Sambal Tumis + Sotomix) dan Syarikat Palm Fiber Sdn Bhd (Fiber drink In Filter Cup) dan Syarikat Samz Holding Sdn Bhd (sos berperisa rendang).

Pavilion KUSKOP memperkenalkan pelbagai produk halal berinovasi seperti *Fiber Drink in Filter Cup*, sos berperisa rendang dan antara yang menjadi perhatian adalah *dark chocolate* keluaran tempatan, produk sedia untuk di makan seperti bubur cendawan, *patty burger* 100% berasaskan buah nangka dan cendawan serta produk-produk pes segera.

KUSKOP berharap penyertaan ini akan meningkatkan eksport produk halal negara serta memperkukuh hubungan perdagangan dua hala Malaysia dengan Australia.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
20 MEI 2024**